

Bab 1

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0. Pengenalan

Kajian ini merupakan satu analisis kontrastif yang membandingkan dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia Standard (BMS) dan Bahasa Portugis Standard (BPS). BMS adalah bahasa kebangsaan Malaysia manakala BPS adalah bahasa kebangsaan Portugal. Bahasa Portugis telah disebarluaskan ke Afrika, India dan seterusnya ke negara-negara di Asia pada abad ke 15. Bahasa Portugis telah sampai di Melaka pada tahun 1511 dengan penaklukan Melaka oleh orang Portugis. Pada hari ini di Malaysia terdapat sejenis kreol Portugis di Melaka yang dinamakan Kristang. Kristang adalah warisan bahasa Portugis yang digunakan pada zaman penaklukan orang Portugis pada tahun 1511. Namun kreol Portugis telah terasing daripada bahasa Portugis di Portugal. Pemisahan ini telah menyebabkan kreol Portugis ini mempunyai perbezaan sistem dan struktur. Di samping itu, penutur-penutur Kristang bercampur-aduk dengan bangsa lain khususnya bangsa Melayu, jadi, kreol Portugis ini mengandungi unsur-unsur bahasa Portugis dan bahasa Malaysia.

1.1. Latar Belakang Bahasa Malaysia Standard(BMS)

Asmah Haji Omar (1993:39), menyatakan bahawa istilah “Melayu” merujuk kepada suku bangsa yang berbahasa Melayu yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu, Pantai Timur Sumatera, Brunei dan beberapa tempat lain yang berdekatan. Menurut Asmah Haji Omar (1993:32-36), bahasa Melayu merupakan bahasa yang berasal dari rumpun Austronesia. Kawasan penyebaran untuk bahasa-bahasa dalam rumpun Austronesia bermula dari Formosa ke New Zealand dan dari Madagaskar ke Perpulauan Easter.

Sarjana linguistik bandingan, Wilhelm Schmidt yang banyak meneliti bahasa-bahasa dalam rumpun Austronesia dan juga bahasa-bahasa yang terdapat di dataran Asia merupakan orang yang pertama kali menggunakan istilah “Austronesia”. Kini, istilah “Austronesia” sudah digunakan dengan meluas tetapi sebelum ini lebih dikenali sebagai Melayu-Polinesia.

Terdapat empat keluarga bahasa dalam rumpun Austronesia iaitu keluarga bahasa Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Antaranya, keluarga bahasa Indonesia merupakan keluarga bahasa yang terbesar dengan kawasan penyebaran bermula dari Formosa di utara, Perpulauan Filipina dan Maluku di sebelah timur, Pulau Timor di sebelah selatan dan Madagaskar di sebelah barat. Dalam keluarga bahasa Indonesia, bahasa Melayu adalah bahasa yang paling berkembang pesat kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan bagi Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Tambahan pula,

bahasa Melayu adalah bahasa pengantar bagi sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Jadi, ini telah memusatkan perkembangan bahasa Melayu.

Kawasan penyebaran bahasa Melayu terletak di pertengahan perjalanan di antara negara Asia Timur, Asia Barat dan Eropah. Kawasan ini merupakan tempat persinggahan bagi pedagang, pelayar dan pengembara dari negara Asia Timur, Asia Barat dan Eropah sejak awal-awal lagi. Bahasa Melayu menjadi lingua franca dan bahasa komunikasi bagi pedagang, pelayar dan pengembara yang singgah di Selat Melaka. Penggunaan bahasa Melayu dapat dikesan di beberapa batu bersurat sejak kurun ke-7 lagi. (Zainab Bt. Abdul Majid, 1982:3-4)

Bahasa Melayu purba yang digunakan sejak awal kurun masih ini telah berpecah kepada bahasa-bahasa dan dialek-dialek berbeza disebabkan oleh pergolakan politik, faktor-faktor geografi dan ekonomi. Bahasa yang digunakan di Indonesia dinamai Bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia telah berkembang pesat sejak Sumpah Pemuda pada tahun 1928 dan terus berkembang selepas kemerdekaan pada tahun 1948. Bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia dinamai Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia. (Zainab Bt. Abdul Majid, 1982:4-5)

Konsep sebuah kebudayaan Malaysia yang berdasarkan satu bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu menjadi semakin luas diterima. Walaupun begitu, istilah “Bahasa Melayu/Kebangsaan” masih merupakan masalah dalam menggambarkan identiti bangsa Malaysia. Jadi, pada tahun 1969, istilah “Bahasa Malaysia” diwujudkan untuk menggantikan istilah “Bahasa Melayu”

sebagai bahasa kebangsaan Malaysia. Akta 152 (1963) Perlembagaan Malaysia telah membawa perkembangan pesat kepada Bahasa Malaysia dengan termaktubnya BMS sebagai bahasa kebangsaan namun penggunaan bahasa-bahasa lain juga terpelihara.

Kini di Malaysia, BMS telah diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah. BMS bukan sahaja diajar malah merupakan bahasa pengantar dan sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar. Semua pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). BMS diberi penekanan sejak di bangku sekolah lagi kerana BMS penting bagi semua warga Malaysia. BMS ini juga digunakan di mahkamah, pentadbiran, perubatan, kesenian, kebudayaan, pelancongan, perniagaan dan lain-lain lagi.

(Utusan Malaysia: 17/1/1995, 11/7/1995, 25/7/1995)

Selain itu, BMS juga menjadi alat penyatu bagi rakyat-rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa. BMS telah dipilih sebagai bahasa kebangsaan agar rakyat yang berbilang bangsa dapat berkomunikasi dengan menggunakan BMS. (Utusan Malaysia: 25/7/1995)

Bahasa Malaysia mempunyai berbagai-bagai dialek tempatan umpamanya dialek Kedah, Kelantan, Perak, Johor dan lain-lain lagi. Mengikut definisi Asmah Haji Omar dalam bukunya yang berjudul Kepelbagai Fonologi Dialek-dialek Melayu (1977:2), Bahasa Malaysia merupakan dialek yang diterima oleh semua anggota dalam masyarakat bahasa yang berkenaan. Bahasa Malaysia digunakan dalam hubungan tidak bersahaja, urusan rasmi

dan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Terdapat kelainan dari segi fonologi kerana penutur-penutur dipengaruhi oleh dialek-dialek tempatan penutur sendiri. Namun, dari segi morfologi, sintaksis dan leksikal tidak terdapat perbezaan.

Asmah Haji Omar (1993:133) memperakui wujudnya dua jenis kelainan bahasa standard iaitu bahasa Melayu standard yang mempunyai pusat penyebaran di selatan khasnya di Johor-Kuala Lumpur dan bahasa Melayu standard yang mempunyai pusat penyebaran di utara khasnya di Alor Setar. Jadi, BMS adalah dwipusat.

Menurut Asmah Haji Omar (1993:133-134), tidak terdapat perbezaan nahu dan perbendaharaan kata antara kelainan yang berpusat di utara dan kelainan yang berpusat di selatan. Namun, dari segi pengucapannya terdapat perbezaan dalam pengucapan “*a*” dan “*r*” akhir kata. Dalam kelainan yang berpusat di utara, “*a*” tersebut diucapkan sebagai [a] umpamanya apa [apa] dan *r* disebut sebagai bunyi getaran atau tamparan contohnya leher [leher]. Dalam kelainan yang berpusat di selatan, “*a*” akhir kata itu pada amnya diucapkan sebagai vokal pepet umpamanya apa [apə] dan “*r*” disenyapkan atau digugurkan contohnya leher [lehe]. Jadi, kelainan yang berpusat di utara itu dinamakan sebagai kelainan *a* dan yang berpusat di selatan dinamakan kelainan pepet.

Dalam penyelidikan ini, kelainan *a* digunakan kerana kelainan *a* merupakan pengucapan dalam menyanyikan lagu kebangsaan Malaysia dan mendeklamasikan sajak lebih-lebih lagi, kelainan *a* ini lebih sejajar dengan

ortografi bahasa Malaysia. (Asmah Haji Omar,1993:138)

1.2. Latar Belakang Bahasa Portugis Standard (BPS)

Bahasa Portugis merupakan salah satu bahasa yang digolongkan di dalam keluarga bahasa Latin yang berasal dari rumpun Indo-Eropah. Bahasa Portugis berkembang di pantai barat Semenanjung Iberica (Portugal dan Sepanyol kini).

Berdasarkan maklumat yang diperoleh dalam internet (alamat: <http://www.leca.ufrn.br/~adelardo/portugues.html>) yang ditulis oleh Adelardo de Medeiros dan rakan-rakannya yang berjudul “A Língua Portuguesa” (1996), sejak 218 sebelum tahun masih sehingga abad ke-9, bahasa yang digunakan di Eropah ialah bahasa Latin/Roman. Pada tahun 409 sehingga tahun 711 masih, orang barbarian telah menduduki Semenanjung Iberica, akibatnya mereka telah membawa masuk berbagai-bagai bahasa. Bahasa-bahasa yang dibawa masuk oleh orang barbarian telah berkembang di Semenanjung Iberica. Sesetengah pengaruh pada waktu itu masih kekal dalam perbendaharaan kata bahasa Portugis moden contohnya *roubar* “*rompak*”, *guerrear* “*peperangan*”.

Selepas tahun 711, dengan penyerbuan orang Islam ke atas Semenanjung Iberica, bahasa Arab diterima sebagai bahasa kebangsaan di kawasan yang ditakluki tetapi penduduk di Semenanjung Iberica masih menggunakan bahasa Roman. Beberapa perkataan telah dipinjam dari bahasa Arab ke dalam bahasa Portugis kini contohnya *arroz* “*nasi*”, *alface* “*salad*”

dan lain-lain lagi.

Tempoh abad ke-9 hingga abad ke-11 dikatakan sebagai zaman peralihan kerana ada unsur-unsur Portugis muncul dalam bahasa Latin tetapi bahasa Portugis khususnya hanya digunakan di pantai barat Semenanjung Iberica.

Pada abad ke-16, *Os Lusíadas* (sebuah epik yang menceritakan sejarah Portugal) yang ditulis oleh Luis de Camões (1572) telah membuktikan bahawa bahasa Portugis sudah begitu mantap penggunaannya dari segi morfologi dan sintaksis. Namun dalam tempoh 1580-1640 iaitu semasa Portugal di bawah pemerintahan kerajaan Sepanyol, bahasa Portugis telah dipengaruhi oleh bahasa Sepanyol. Pada abad ke-18, bahasa Portugis dipengaruhi oleh bahasa Perancis (<http://www.leca.ufrn.br/~adelardo/portugues.html>).

Pada abad ke-19 dan abad ke-20, apabila perbendaharaan kata bahasa Portugis menerima sumbangan baru, muncul pula istilah teknikal, contohnya *automóvel* “kereta”, *televisão* “televisyen” yang berasal dari bahasa Yunani. Selain itu, istilah-istilah teknikal dari bahasa Inggeris dalam bidang sains dan maklumat umpamanya *check-up*, *software* dan lain-lain lagi juga dipinjam.


Pada tahun 1990, satu pertubuhan telah diwujudkan untuk menyeragamkan istilah-istilah teknikal yang digunakan oleh negara-negara yang menggunakan bahasa Portugis agar tidak muncul istilah-istilah yang berlainan bagi benda yang sama.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh dalam internet yang ditulis

oleh Adelardo de Medeiros dan rakan-rakannya lagi, bilangan penutur bahasa Portugis berjumlah 170-210 juta (rujuk peta 1). Bahasa Portugis adalah bahasa yang ke-8 yang mempunyai bilangan penutur yang paling banyak di dunia. Bahasa Portugis adalah bahasa yang ketiga yang mempunyai bilangan penduduk yang paling banyak di antara bahasa-bahasa di negara barat iaitu selepas bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol. Bahasa Portugis merupakan bahasa kebangsaan di tujuh buah negara: Angola (10.3 juta), Brazil (151 juta), Cape Verde (346 ribu), Guinea Bissau (1 juta), Mozambique (15.3 juta), Portugal (9.9 juta), São Tomé dan Príncipe (126 ribu). Di samping itu, bahasa Portugis merupakan salah satu bahasa kebangsaan di Kesatuan Negara-Negara Eropah (dulunya dikenali sebagai Komuniti Ekonomi Eropah) sejak tahun 1986. Selain itu, kreol Portugis muncul juga di Melaka, Kryol, Guinea Bissau, Goa, Damao dan Cape Verde. Di Cape Verde dan Guinea Bissau sudah wujud dua jenis bahasa Portugis iaitu kreol Portugis untuk kegunaan sehari-hari dan BPS sebagai bahasa kebangsaan.

Pada tahun 1994, satu cadangan dikemukakan untuk mewujudkan komuniti negara-negara yang menggunakan bahasa Portugis (Comunidade dos Paises de Língua Portuguesa). Tujuan tindakan ini adalah untuk menyatupadukan negara-negara yang menginstitusikan bahasa Portugis sebagai bahasa kebangsaan dan meningkatkan lagi penukaran ide dan budaya di antara negara tersebut.

Peta I : NEGARA-NEGARA YANG MENGGUNAKAN BAHASA PORTUGIS



Sumber: Instituto Português do Oriente

Di Portugal terdapat pelbagai dialek iaitu: (rujuk peta 2)

- a) Dialek Galego
- b) Dialek Setentrionais
- c) Dialek Centro Meridionais


Dialek Setentrionais yang wujud di tepi pantai Portugal meliputi kawasan utara seperti Minho, Douro Litoral manakala Dialek Centro Meridionais meliputi Beira- Baixa, Alto Alentejo dan bahagian barat Algarve.

Dialek yang dipertuturkan di kepulauan Açores dan Madeira merupakan satu perluasan daripada dialek-dialek di benua Portugal. Dialek-dialek di Kepulauan Açores dan Madeira digolongkan ke dalam dialek tengah Portugal kecuali di São Miguel .

Pada awal zaman penjajahan Portugis di Brazil (diterokai pada tahun 1500) bahasa Tupi digunakan di samping penggunaan bahasa Portugis. Pada tahun 1757, penggunaan bahasa Tupi diharamkan. Sebaliknya bahasa Portugis diperluas penggunaannya di Brazil pada tahun 1759. Terdapat juga bahasa tempatan di Brazil yang dipinjam ke dalam perbendaharaan kata bahasa Portugis khususnya dalam aspek tumbuhan dan binatang contohnya *abacaxi* “nanas”, *mandioca* “ubi kayu”, *caju* “kajus”, *tatu* “tengiling”, *piranha* “sejenis ikan tropika yang ganas”.

Dengan kemasukan hamba abdi dari Afrika, perkataan-perkataan Afrika telah dipinjam, contohnya *casula* “balutan”, *Molegue* “budak lelaki”.

Peta 2: DIALEK-DIALEK BAHASA PORTUGIS



Sumber: Celso Cunha, Luís F. Lindley Cintra, Breve Gramática do Português Contemporâneo (1997:8-9)

Selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1822, bahasa Portugis yang dituturkan di Brazil dipengaruhi oleh imigren-imigren Eropah yang menduduki di bahagian tengah dan bahagian selatan Brazil. Ini meliputi aspek fonologi dan aspek leksikal.

1.2.1. Bahasa Portugis di Afrika

Bahasa Portugis menjadi bahasa kebangsaan di Angola, Mozambique, Guinea Bissau, Cape Verde, São Tomé dan Príncipe di Afrika. Pada tahun 1983, 60% daripada penduduk di Angola, Afrika memperakui bahasa Portugis sebagai bahasa ibunda mereka. (Adelardo de Medeiros: 1996). Di Cape Verde, penduduk-penduduk bertutur dalam kreol Portugis. Di Guinea Bissau, pada tahun 1983, 44% daripada penduduk bertutur dalam kreol Portugis, 11% bertutur dalam BPS dan 45% lagi bertutur dalam bahasa Afrika yang lain. Di Mozambique, bahasa Portugis adalah bahasa kebangsaan yang dipertuturkan oleh 25% daripada penduduk tetapi hanya 1.2% yang menganggap bahasa Portugis sebagai bahasa ibunda.

Bahasa Portugis yang dipertuturkan di Angola dan Mozambique adalah bahasa yang standard. Pengaruh bahasa-bahasa tempatan ke atas bahasa Portugis di Angola dan Mozambique tidak begitu banyak dan hanya dalam aspek leksikal.

Dalam kebanyakan negara bekas jajahan Portugis di Afrika, bahasa Portugis dianggap sebagai bahasa kebangsaan dan digunakan dalam

pentadbiran, di sekolah-sekolah serta perhubungan antarabangsa. Dalam kehidupan seharian, BPS dan kreol Portugis digunakan.

Kreol Portugis di Afrika dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan:-

- a) Kreol Kepulauan Guinea
 - São Tomé
 - Príncipe
 - Annóbon (Anó Bom) Guinea Equatorial
- b) Kreol Kepulauan Cape Verde
 - Barlavento (di utara)
 - Sotavento (di selatan)
- c) Kreol Kebenuaan
 - Guinea Bissau
 - Casamance (di Senegal)

1.2.2 . Bahasa Portugis Di Asia

Sejak abad ke-16 dan ke-17, orang Portugis sudah memperluas pengaruh mereka di India dan Asia umpamanya:-

- a) di Macau, kawasan China yang di bawah pentadbiran Portugis sehingga Disember 1999. Bahasa Portugis adalah salah satu daripada bahasa kebangsaan selain daripada bahasa Cina. Namun, bahasa Portugis hanya digunakan di dalam pentadbiran dan dipertuturkan oleh sebilangan kecil penduduk di Macau.

b) di Goa, India, yang di bawah jajahan Portugis sehingga tahun 1961.

Bahasa Portugis di Goa telah digantikan oleh bahasa Konkani (bahasa kebangsaan) dan bahasa Inggeris .

c) di timur Timor, di bawah jajahan Portugis sehingga tahun 1975.

Namun, masih terdapat sebilangan kecil penutur bahasa Portugis.

1.2.3 . Bahasa Portugis Di Malaysia

Di Malaysia sejenis kreol Portugis iaitu Kristang dipertuturkan oleh keturunan orang Portugis di Melaka.

Berdasarkan The Cambridge Encyclopedia of Language (1992:338-339), definisi untuk bahasa Kristang ialah:

“A Malacca Portuguese----- A Portuguese based creole used in western Malaysia by about 3000 people.”

Terdapat pelbagai istilah untuk bangsa yang bertutur dalam bahasa Kristang, (Alan Baxter,1984;10-11)

“Similarly, the speakers of the language have been referred to by a variety of terms. For example, in English they have been referred to as *Creole* (Hancock 1969) or *Portuguese Eurasian* (Chan 1969), in Malay as *Serani* and in Portuguese as *descendentes dos antigos Portugueses*. “descendents of the old Portuguese” (Rêgo 1941:4). The speakers themselves mainly use the term *Kristang* in their own language and Portuguese (Eurasian) in English.”

Perkembangan dan kewujudan Kristang berhubung rapat dengan sejarah penjajahan Portugis pada tahun 1511—1641. Semasa penjajahan Belanda, bilangan penutur kristang berkurangan, walaupun kreol Portugis

masih digunakan. Pada zaman penjajahan British, bilangannya semakin berkurangan disebabkan oleh penghijrahan ke kawasan lain seperti Singapura dan Pulau Pinang. Pada masa itu, walaupun penutur Kristang masih mengekalkan pekerjaan tradisional mereka iaitu sebagai nelayan, namun ada juga yang menceburi bidang lain, umpamanya sebagai kerani atau buruh. Kebanyakan penutur Kristang masih tinggal di Perkampungan Portugis yang didirikan pada tahun 1933.

Kristang kini merupakan bahasa yang dimudahkan umpamanya sistem kala dan konjugasi tidak wujud. Sebagai contoh, perubahan yang dilakukan ke atas kata dasar *comer* “makan” tidak wujud dalam Kristang tetapi perkataan *já* “telah” digunakan untuk menunjukkan kala lampau. Jadi, boleh disimpulkan bahawa di dalam BPS *comeu* yang membawa maksud “dia sudah makan” tidak wujud di dalam Kristang tetapi digantikan dengan perkataan *já comi* iaitu perkataan *já* digunakan untuk melambangkan kala lampau. Untuk sistem kala kini pula, *come* “dia makan” tidak wujud dalam Kristang tetapi digantikan dengan perkataan *comi* “dia makan”. *Comi* digunakan untuk *comi* “saya makan” dan *comi* “dia makan”. Jadi, dalam BPS *come* untuk “dia makan” tidak wujud dalam Kristang.

Begitu juga di dalam Kristang tidak wujud sistem genus (maskulin dan feminin). Di dalam BPS wujud sistem genus. Sesuatu objek mesti mempunyai genusnya. Contohnya *gato* “kucing” ialah maskulin dan *cadeira* “kerusi” ialah feminin. Di dalam Kristang kebanyakan objek tidak mempunyai genus. Jadi, di sini, *gato* dan *cadeira* tidak perlu digolongkan

sama ada maskulin atau feminin. (Penerangan untuk Kristang telah disemak semula melalui temu bual dengan Encik Aloysius Santa Maria, penutur asli Kristang di Perkampungan Portugis di Melaka.)

1.3. Pengajaran Bahasa Portugis Di Malaysia

Universiti Malaya merupakan satu-satunya universiti tempatan yang menawarkan kursus BPS. Bahasa Portugis yang diajar di Universiti Malaya merupakan BPS yang digunakan di Portugal. Kursus BPS telah dimulakan sejak tahun 1988. Pelajar-pelajar kursus ini merupakan pelajar-pelajar dari Akademi Pengajian Melayu. Selain itu, kursus Sijil Kecekapan Bahasa Portugis juga terbuka kepada orang awam. Mulai Mei 1998, BPS juga ditawarkan sebagai kursus elektif bagi pelajar-pelajar dari semua fakulti di Universiti Malaya.

Objektif pengajaran BPS ialah untuk memberi penegasan kepada kemahiran-kemahiran menutur, mendengar, membaca dan menulis.

Di samping itu, kerajaan Portugis dan institusi-institusi lain seperti Instituto Camões, Instituto IPOR di Macau dan Fundação de Oriente juga memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar tempatan untuk melanjutkan pelajaran di Portugal dan memberi tajaan kepada pengajaran BPS di Universiti Malaya. Bantuan dalam bentuk wang dan peralatan juga diberi untuk menyebarkan bahasa dan budaya Portugis di negara-negara yang ada hubungan budaya dengan Portugal, di samping untuk mencungkil bakat dan melatih pengajar-pengajar tempatan dalam pengajaran bahasa Portugis.

1.4. Pernyataan Masalah

Sebagai seorang pengajar, saya telah meneliti kesukaran pembelajaran BPS oleh pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaya. Ternyata bahawa wujudnya masalah sebutan di kalangan pelajar-pelajar di Universiti Malaya yang mempelajari BPS.

Aspek yang penting dan diberikan tumpuan dalam tahap awal pembelajaran bahasa asing ialah aspek fonetik. Aspek fonetik yakni aspek yang melibatkanuraian struktur bunyi dalam bahasa menjadi keutamaan dalam peringkat awal pembelajaran bahasa asing kerana dalam proses pembelajaran mesti dimulakan dengan aspek fonetik iaitu belajar bagaimana untuk menyebut vokal, konsonan, diftong, triftong dalam bahasa asing yang dipelajari. Secara umumnya dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa, seseorang harus mempelajari bunyi-bunyi terlebih dahulu supaya dapat menyebut bunyi-bunyi bahasa berkenaan dengan baik. Ini jelas melalui pernyataan (Fries, 1945:3):

“In learning a new language, then, the chief problem is not at first that of learning vocabulary items. It is, first, the mastery of the sound system—to understand the stream of speech, to hear the distinctive sound features and to approximate their production.”

D.A. Wilkins dalam Linguistics In Language Teaching (1972:197-198) menyatakan:

“The errors and difficulties that occur in our learning and use of a foreign language are caused by the interference of our mother tongue. Wherever the structure of the foreign language differs from that of the mother tongue we can expect both difficulty in learning and error in performance. Learning a foreign language is essentially learning to overcome these difficulties. Where the

structures of the two languages are the same, no difficulty is anticipated and teaching is not necessary. Simple exposure to the language will be enough. Teaching will be directed at those points where there are structural differences.”

Mengikut D.A.Wilkins, kesilapan dan kesulitan adalah disebabkan oleh gangguan Bahasa Ibunda atau Bahasa Pertama (B1). Sekiranya struktur Bahasa Sasaran atau Bahasa Kedua (B2) adalah berlainan dengan struktur B1 maka akan timbul kesulitan dalam pembelajaran dan kesilapan dalam penggunaan B2. Pembelajaran B2 ialah mempelajari bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut. Jadi, seseorang pengajar harus menumpu kepada struktur yang berbeza. Sekiranya struktur B2 dan B1 adalah sama maka seseorang pelajar tidak akan menghadapi masalah dan seseorang pengajar tidak perlu memberikan tumpuan yang berlebihan.

1.5. Objektif

Objektif kajian ini ialah :-

- i) untuk membanding dan mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang wujud dalam BMS dan BPS dari aspek fonologi.
- ii) mengenal pasti gangguan dalam aspek fonologi yang wujud di kalangan pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BPS sebagai B2.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting kerana ia dapat memanfaatkan:

- a) mereka yang mengajar BPS dapat meramal, menguji dan menempatkan daerah gangguan dan masalah-masalah penyebutan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dan seterusnya dapat menyediakan bahan-bahan pengajaran.
- b) mereka yang belajar BPS sebagai B2, khususnya kepada pelajar-pelajar Melayu kerana dapat mengetahui daerah gangguan dan masalah-masalah penyebutan yang dihadapi oleh mereka ketika mempelajari BPS.
- c) penyelidik-penyalidik yang mungkin memerlukan bahan rujukan untuk menjalankan penyelidikan.
- d) penulis-penulis buku teks BPS untuk pelajar-pelajar di Malaysia dapat menerbitkan buku- buku teks BPS yang tersusun.

1.7. Batasan Penyelidikan

Penyelidikan ini hanya dihadkan kepada fonem-fonem segmental sahaja. Fonem-fonem segmental meliputi fonem-fonem vokal, konsonan, rangkap konsonan, rangkap vokal, diftong, triftong dalam BMS dan BPS.

Fonem-fonem segmental dipilih kerana bilangannya terhad dan penting dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Unsur-unsur suprasegmental seperti panjang pendek suara tidak diambil kira kerana kajian unsur-unsur suprasegmental perlu disokong oleh alat-alat perakaman dan penganalisisan yang lebih canggih kerana ia meliputi masalah yang lebih rumit. Tambahan pula, hanya BMS di Malaysia dan BPS yang digunakan di Portugal akan diambil kira. Kreol Portugis seperti Kristang tidak akan diambil kira. Ini adalah kerana BPS adalah berbeza dengan kreol Portugis yang dipertuturkan oleh kaum Portugis di Melaka yang dikenali sebagai Kristang. BPS dipertimbangkan kerana ia merupakan bahasa yang digunakan oleh media-massa, bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi di Portugal dan di seluruh dunia.